



جابتن اكام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1JLD2(3)

Tarikh: 24 Rejab 1447
14 Januari 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	16 Januari 2026 / 26 Rejab 1447
Tajuk	Solat Mengangkat Martabat Ummah

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"SOLAT MENGANGKAT MARTABAT UMMAH"

16 Januari 2026 / 26 Rejab 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi

Marilah kita meningkatkan iman dan memperteguh takwa. Taatilah Allah dengan sepenuh jiwa ketika berhadapan pelbagai dugaan berat dan ujian duniawi. Insaflah! dunia hanyalah persinggahan sementara, sedangkan akhirat ialah negeri yang abadi. Menjelang sambutan peristiwa Israk dan Mikraj pada 17 Rejab bersamaan 17 Januari, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"SOLAT MENGANGKAT MARTABAT UMMAH"

Peristiwa Israk dan Mikraj mengungkap suatu ibadah yang sangat istimewa di sisi Allah SWT, iaitu ibadah solat. Berbanding perintah-perintah ibadah lain yang disampaikan melalui perantaraan Malaikat Jibrail As, perintah mendirikan solat telah diterima oleh Baginda Nabi SAW secara langsung daripada Allah SWT, ketika Baginda bertemu dengan Nya dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Ibadah teragung ini mempunyai hikmah yang amat besar kerana orang yang mendirikan solat dengan penuh pengabdian kepada Allah SWT, dapat mencegah diri daripada sebarang bentuk kejahatan dan kekejian.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Keindahan hidup yang sempurna tidak akan dapat dicapai apabila roh Islam tidak dibina dengan teguh dalam diri manusia. Islam umpama binaan sebuah bangunan, tiangnya adalah solat yang didirikan dengan ikhlas dan penuh pengabdian kepada Allah SWT. Solat mengandungi perkataan yang diucapkan dan perbuatan yang dilakukan dengan syarat-syarat tertentu, disempurnakan secara khushyuk terhadap Allah SWT. Solat bukan tatacara ibadah yang hanya memperlihatkan pergerakan zahir daripada satu rukun kepada rukun; tetapi solat merupakan doa, permohonan keampunan dan keberkatan, juga melahirkan sifat-sifat terpuji serta ikatan kasih sayang yang melambangkan kerendahan hati dan kelemahan diri, mengakui kebesaran Nya lalu memohon pertolongan daripada Nya Yang Maha Berkuasa. Solat yang didirikan dengan sempurna dapat melahirkan jiwa, pemikiran dan tubuh badan yang sejahtera, serta diri akan berkeyakinan mampu menggalas tanggungjawab dengan ikhlas dan amanah.

Ibadah solat dapat menjalinkan hubungan akrab sesama ummah, menyemai hubungan persaudaraan yang kasih mengasihani antara satu sama lain; berjaya membentuk umat yang teguh berpadu, kukuh bersatu, dan terhindar daripada perpecahan.

Dilaporkan tentera pimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih, yang kukuh bersatu dan teguh berpadu hingga berjaya menakluki Kota Kostantinopel, tidak pernah meninggalkan solat, malah senantiasa mendirikan solat secara berjemaah; lebih separuh daripada mereka mendirikan solat sunat rawatib serta solat sunat malam. Amalan mengutamakan solat oleh tentera Sultan Muhammad Al-Fatih hingga dilimpahi kejayaan oleh Allah SWT, hendaklah dijadikan contoh ikutan oleh umat Islam pada hari ini.

Jemaah yang dimuliakan

Firman Allah SWT:

﴿وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً
وَيَذَرُونَ بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٢﴾﴾

Bermaksud: Dan orang yang sabar kerana mengharapkan keredhaan Tuhannya, mendirikan solat dan membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada mereka, secara sembunyi atau terang-terangan serta menggantikan kejahatan dengan kebaikan, maka mereka itulah yang mendapat tempat kesudahan (yang baik). (Surah Ar-Ra'd ayat 22)

Ayat ini menunjukkan orang-orang yang mendirikan solat dapat mengangkat martabat dirinya. Solat walaupun pada zahirnya seolah-olah mudah dilakukan, tetapi untuk mencapai tahap solat yang khusyuk, seorang hamba perlu teliti dan sabar. Orang yang berjaya menyempurnakan solat dengan tertib dalam gerakan rukun, serta menghayati maksud bacaan sehingga dapat merasakan kehadiran Allah SWT, mereka ini di luar solat, akan dapat melakukan pekerjaan dengan rapi dan teratur. Solat yang didirikan dengan sempurna dapat berperanan sebagai benteng, memagari diri daripada perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan akal, tubuh badan, jiwa dan emosi, serta menghindari diri dari daripada kejahatan dan sifat-sifat buruk.

Nabi SAW telah bersabda:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعُمُودُهُ الصَّلَاةُ وَذِرْوَةٌ سَنَامِهِ الْجِهَادُ

Bermaksud: Pokok segala urusan adalah Islam, tiangnya adalah solat dan kemuncaknya adalah berjihad. (Hadis riwayat Imam al-Tirmizi)

Jemaah Rahimakumullah

Menginsafi betapa pentingnya perintah mengerjakan solat, mimbar menyampaikan empat peringatan berikut:

Pertama: Solat ialah Rukun Islam yang diperintahkan secara langsung oleh Allah SWT kepada RSAW untuk didirikan lima kali sehari semalam. Solat hendaklah dijadikan tanggungjawab wajib yang didirikan lima kali sehari semalam,



sebagai tanda terima kasih seorang hamba kepada Penciptanya. Ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak secara bimbingan, nasihat, teguran hatta jika perlu dimarahi dan dihukum, demi memastikan anak-anak sebelum usia baligh telah mengamalkan budaya bersolat lima waktu sehari semalam.

Kedua: Tanggungjawab bersolat hendaklah diutamakan pada awal waktu sebaik kedengaran seruan azan; tangguhkan kerja-kerja duniawi yang lain dengan mendahulukan tanggungjawab bersolat. Lebih afdal untuk solat didirikan secara berjemaah. Mimbar menyeru para pemimpin di pelbagai pejabat dan institusi untuk menunjukkan contoh teladan yang baik, tangguhkan urusan duniawi dan bersama-sama warga kerja di tempat masing-masing, mendirikan solat secara berjemaah. Insya-Allah, Allah SWT akan melimpahkan rezeki dan kejayaan yang lebih besar di samping akan terjalinnya rasa kasih sayang antara warga sesebuah institusi melalui ukhuwah yang terjalin ketika mendirikan solat secara berjemaah. Sedarilah! Orang yang mendirikan solat dengan sempurna akan dilimpahi ganjaran dunia dan nikmat akhirat.

Ketiga: Allah SWT sentiasa memberi perhatian kepada setiap hamba Nya. Hargailah kasih sayang Illahi yang sentiasa bersama kita, terus memberikan kita nafas untuk hidup dan setiap hari mengurniakan rezeki dan nikmat; fahamilah cara Allah SWT mahu mengingatkan kita untuk mendekatkan diri kepada Nya, melalui pelbagai ujian ketika kita berada dalam kesusahan, atau ketika kita berduka atau ketika kita menghadapi kekecewaan. Oleh itu peruntukan masa untuk menghadap Allah SWT, paling kurang lima kali dalam sehari semalam, menyerahkan diri dan berdoa memohon ihsan pertolongan sebaik selesai mendirikan solat.

Keempat: Kejayaan terbentuk melalui kehidupan yang terurus dan terancang. Solat mendidik manusia hidup secara berdisiplin dengan tindak tanduk yang tertib. Solat yang didirikan pada awal waktu mendidik manusia untuk menepati masa, agar kita terdidik menyiapkan kerja mengikut masa yang diperuntukkan. Perkataan yang dilafazkan dalam solat umpama suatu tekad dan janji yang harus dipenuhi, manakala pergerakan tubuh yang tertib umpama tindak tanduk yang teliti dan berperancangan baik. Apabila tabiat ini diterjemahkan dalam urusan kehidupan, maka ummah akan mencapai martabat terpuji dan akan dipandang mulia.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْتَهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّمْزْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Jadikan kami dan zuriat keturunan kami orang yang mendirikan solat. Bimbing kami untuk mengerjakan solat pada awal waktu dan secara berjemaah serta solat dilaksanakan dengan penuh penghayatan agar membuahkan ciri-ciri murni dalam kehidupan yang dapat mengangkat martabat ummah.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.